



ثجابه ستيأوسها كراجان نكري كلتن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim,  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957  
Pengarah : 09-748 5826  
Faks : 09-747 0890 /  
: 747 4152 / 748 2652  
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D200 (01) 15/1/1 Jld.3(104)

Bertarikh : 25 Rabiulawal 1443H

01 November 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengurus Agensi Negeri (Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kelantan)

YB Dato'/ YBhg.Dato'/ YM Tengku/ Tuan / Puan,

**PEMBATALAN ARAHAN PENTADBIRAN  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2020**

**KEBENARAN KELULUSAN KHAS BAGI MELAWAT NEGERI-NEGERI YANG  
DISAHKAN MEMPUNYAI KES POSITIF COVID-19 KEPADA PENJAWAT AWAM  
NEGERI KELANTAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Negeri Kelantan telah beralih dari Fasa 2 ke Fasa 3 berkuat kuasa mulai 18 Oktober 2021**. Peralihan fasa ini mengikut garis panduan yang ditetapkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan peratusan kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa. Kerajaan juga telah bersetuju memberi kebenaran kepada rakyat Malaysia yang telah menerima vaksinasi lengkap untuk melakukan pergerakan rentas negeri tanpa perlu memohon kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) berkuat kuasa mulai 11 Oktober 2021.

3. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan **bersetuju Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 2 Tahun 2020 Kebenaran Kelulusan Khas bagi Melawat Negeri-negeri Yang Disahkan mempunyai Kes Positif COVID-19 kepada Penjawat Awam Negeri Kelantan dibatalkan**.

4. Arahan ini dipersetujui **berkuat kuasa serta merta**.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”  
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD GHANI, D.P.S.K (Kelantan)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan